

Najib Hargai Sumbangan Pekerja MAS
Bernamea
14 Mac, 2014

SEPANG, 14 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menghargai sumbangan dan kerja keras pekerja-pekerja Malaysian Airlines (MAS), terutamanya yang bertugas di Pusat Operasi Kecemasan dalam mengesan pesawat MH370 yang hilang sejak Sabtu lepas.

Sumber rasmi memberitahu Bernama Jumaat, Najib melahirkan penghargaanannya itu ketika bertemu para pekerja berkenaan di Bangunan Pengurusan Penerbangan MAS, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini.

Sebelum pertemuan itu, Perdana Menteri menghadiri sesi taklimat dengan pegawai pengurusan kanan MAS selama kira-kira 40 minit.

Turut hadir pada sesi itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif MAS Ahmad Jauhari Yahya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022036>